


Headline	TANAM 1,000 ANAK POKOK		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Bestari	Circulation	112,705
Page No	43	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	587 cm²
Journalist	Ruwaida Md Zain	AdValue	RM 23,124
Frequency	Daily	PR Value	RM 69,373



Ruwaida Md Zain
bh@news.com.my

Sebanyak 1,000 anak pokok berjaya ditanam murid Sekolah Kebangsaan (SK) 1 Jalan Meru, Klang, Selangor sempena program AEON Clean and Green SK 1 Jalan Meru, baru-baru ini.

Guru Besarnya, M Khalimi

Dalhan berkata, pokok yang ditanam itu membabitkan lima jenis pokok herba dan 10 jenis pokok renek.

Beliau terharu dan menghargai usaha AEON Co (M) Bhd yang memilih sekolahnya untuk menjalankan program berkenaan kerana pendidikan bukan hanya di

dalam kelas.

Malah ia meliputi persekitaran terutama selepas kejadian pencemaran alam di Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini menjadikan program itu sangat signifikan.

“Selain menanam pokok, ada aktiviti menggecat dinding di bahagian depan

pagar sekolah termasuk perhentian bas, cat mural motivasi sekolah dan pembersihan membabitkan beberapa lokasi yang diperlukan.

“Sekolah turut menerima dua set tong sampah kitar semula bagi plastik, kaca dan kertas. Dengan sumbangan ini memberikan inisiatif kepada sekolah mengadakan program lanjutan bersama murid-murid,” katanya ketika ditemui selepas program yang dijurnurkan buat juling kali di sekolah berkenaan.

Turut hadir, Pengurus Bahagian CSR AEON Co (M) Bhd, Fansuri Alias dan Pengurus Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Mohd Azam Taib.

M Khalimi berkata, program itu membabitkan semua murid, guru dan PIBG SK 1 Jalan Meru serta SK 2 Jalan Meru.

Beliau berkata, program berkenaan tidak terhenti pada hari itu sahaja, sebaliknya pengajaran berterusan kepada murid akan diberikan berkenaan apa yang dilakukan termasuknya menanam pokok dan menggecat dengan betul menggunakan peralatan lengkap.

Katanya, selalunya aktiviti berkenaan hanya boleh diterangkan melalui pengajaran di dalam bilik darjah semata-mata berikutnya membabitkan kos yang tinggi, selain tiada peruntukan untuk tujuan itu.

“Hari ini kita boleh lihat semua murid seronok dan teruja sebab dapat buat sendiri. Tambahan pula mereka anak-anak semi urban, jadi ini pengalaman dan pelajaran baharu serta kajian lapangan buat mereka.

“Mungkin murid sekadar guna sarung

tangan, penutup hidung dan mulut sedangkan ia berkait rapat dengan kebersihan, keselamatan diri, kawan, cara guna peralatan dengan betul, cara dan tempat simpan barang, itu kita akan tekankan,” katanya.

Pada masa sama, M Khalimi berharap usaha AEON itu akan menjadi ikutan pihak swasta lain mahupun kerajaan dalam usaha memupuk rasa cinta terhadap alam sekitar.

Katanya, pengurusan AEON bukan sekadar menyampaikan sumbangan, malah mereka turut bergong-ropong, selain datang membuat persiapan sejak seminggu lalu.

Sementara itu, Fansuri berkata, SK 1 Jalan Meru adalah sekolah kelima yang terpilih untuk program terbabit.

Beliau berkata, AEON dengan alam sekitar sangat sinonim kerana falsafahnya adalah memupuk semangat cintakan alam sekitar, malah, setiap kali pembukaan AEON di setiap lokasi akan diikuti dengan penanaman pokok bersama-sama pelajar dan penduduk setempat.

“Kita juga memupuk semangat cintakan alam sekitar sejak awal lagi, sebab itu kita pilih sekolah rendah dan sekolah menengah kerana misi jangka panjang kami mewujudkan pemimpin yang peka dengan pemuliharaan alam sekitar, bukan sekadar pemimpin yang ingin keuntungan semata-mata.

“Kami mahu mereka tahu kenapa perlu jaga alam sekitar, sebab itu kami anjurkan program sebegini bersama kakitangan AEON dan kami mendapat tunjuk ajar daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM),” katanya.

TANAM 1,000 ANAK POKOK

Murid Sekolah Kebangsaan (SK) 1 Jalan Meru, Klang diajak cintakan alam sekitar



M Khalimi



SEKOLAH turut menerima tong sampah kitar semula daripada AEON.



FANSURI



TEMPAT menunggu bas turut dicat oleh murid dan sukarelawan AEON.



MURID menggecat dinding di pekarangan sekolah.

FOTO FAIZ ANUAR